

**BAHASA MELAYU DIMERTABATKAN, BAHASA INGGERIS DIPERTINGKATKAN:  
SATU KUPASAN DALAM KONTEKS PENGAJIAN TINGGI.****Adi Anuar Azmin, Shuhairimi bin Abdullah, Ku Halim Ku Ariffin, Hirwan Jasbir Bin Jaafar****Email : [adianuar@unimap.edu.my](mailto:adianuar@unimap.edu.my)****Abstrak**

Bahasa menjadi wadah utama sebagai alat komunikasi dalam menghubungkan sesuatu bangsa dan tamadun. Bahasa juga menunjukkan taraf sesuatu bangsa itu. Bahasa Melayu suatu ketika dahulu menjadi bahasa utama dan menjadi alat penghubung di Nusantara. Justeru itu usaha memartabatkan bahasa Melayu perlu diteruskan dan di modenisasikan. Dalam dunia yang kian mencabar penggunaan bahasa Melayu perlu diperluaskan di peringkat sekolah sehingga Institusi Pengajian Tinggi. Usaha ini bukan hanya diarahkan kepada penggiat bahasa sahaja malah ianya perlu digerakkan secara menyeluruh. Kemajuan sesebuah negara bukanlah bergantung kepada penggunaan bahasa Inggeris sahaja, jika tidak mana mungkin negara-negara seperti Jepun, Perancis, Jerman dan lain-lain lagi boleh menguasai teknologi dunia dengan menggunakan bahasa mereka sendiri. Dalam hal ini tindakan memperkayakan dan memperbanyakkan kosa kata bahasa diperlukan bagi mewujudkan daya saing Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Justeru strategi menyeluruh dan jitu perlu dilakukan bagi merealisasikan hasrat ini. Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, bahasa Inggeris tidak kita lupakan kerana ianya kini menjadi bahasa utama di peringkat antarabangsa. Usaha meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris turut dilaksanakan secara komprehensif.

**Kata Kunci:** *Memodenkan Bahasa Melayu, Memantapkan Bahasa Inggeris*

**Pendahuluan**

Isu bahasa Melayu dalam era millenium ini terus menjadi perbincangan dan sering dipolemikkan oleh pelbagai pihak dalam usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara ini. Melihat senario yang berlaku pada hari ini, hampir semua negara di dunia telah meletakkan penguasaan bahasa Inggeris sebagai medium ilmu sehingga pembelajaran bahasa ini diberi keutamaan. Tambahan lagi dalam bidang teknikal khususnya, bahasa Inggeris diiktiraf sebagai bahasa yang mendominasi ilmu teknologi. Sebaiknya, Malaysia perlu mencontohi bangsa Eropah yang sebahagian besar dapat menguasai dengan baik tiga atau empat bahasa dunia. Meskipun begitu, usaha untuk meningkatkan bahasa Inggeris dalam menguasai bidang sains dan teknologi tidak sepatutnya mematikan kelestarian fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa tinggi.

Sehubungan dengan itu, timbul riak-riak kebimbangan yang di zahir kan oleh sekelompok nasionalis Melayu sama ada melalui perdebatan ilmiah atau sebarang medium disebabkan kedudukan bahasa Melayu dilihat semakin tergugat. Kegusaran ini ada asasnya, kerana bahasa Melayu dianggap tidak dapat menampung keperluan bahasa ilmu dan wahana ilmu moden khususnya bidang sains dan teknologi yang digunakan di peringkat tinggi. Secara tidak langsung, ia memperlihatkan gagasan bahasa Melayu satu ketika dahulu menonjolkan wawasan yang cukup luas tetapi kini dilihat sebagai terasing dan semakin menguncup dalam percubaan untuk mempertahankan kelangsungan keagungannya sebagai bahasa tinggi. Namun begitu, sekiranya dikaji dengan teliti perkembangan dan pencapaian bahasa Melayu pada hakikatnya, telah banyak usaha positif telah dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mendaulat dan mengukuhkan bahasa Melayu. Sebagai contoh, Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan

untuk memartabatkan bahasa Melayu dan menjadikan bahasa ilmu yang berwibawa dalam pembinaan tamadun bangsa. Di samping itu, badan ini juga bertanggungjawab memperkasa bahasa Melayu agar sentiasa relevan dengan zaman yang sentiasa memacu dengan pantas.

### Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu

Menurut A. Aziz Deraman dalam *"Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia"*, sekiranya di sorot kembali lipatan sejarah perkembangan kegemilangan bahasa Melayu, penarafan bahasa Melayu sebagai bahasa *"lingua franca"* amat berpengaruh bukan sahaja di rumpun kepulauan Nusantara bahkan merentasi ke sempadan asing yang lain. Kedudukan bahasa Melayu sebagai medium bahasa antarabangsa telah tersebar melalui saluran perdagangan, migrasi, proses urbanisasi, perkahwinan dan pertembungan peradaban dengan bangsa asing.

Sebagai contoh, kegemilangan empayar Melaka berfungsi sebagai pemancar kebudayaan yang subur dengan tersebar bahasa Melayu sebagai bahasa yang elitis sifatnya. Bahasa Melayu berkembang pesat merangkumi masyarakat yang lebih luas yang terdiri daripada bukan Islam dan bukan Melayu. Ia berkembang dan menembusi ratusan kelompok besar dan kecil serta mengikat keseluruhan komuniti masyarakat melalui satu peradaban dan satu bahasa.

Seorang ahli sejarah bangsa Belanda (Francois, 1876) telah merekodkan keterangan sejarah tentang fungsi bahasa Melayu dalam kerajaan Kota Melaka. Beliau menegaskan bahawa:

*"Bahasa mereka, iaitu bahasa Melayu... bukan sahaja digunakan di pantai Tanah Melayu bahkan juga di seluruh India dan di negeri-negeri sebelah Timur. Bahasa ini adalah sebagai bahasa Perancis atau Latin di Eropah ataupun macam bahasa perantaraan di negeri Itali atau di Lavant. Oleh sebab banyaknya bahasa ini digunakan maka seseorang yang boleh bertutur Melayu akan dapat difahami orang baik dalam negeri Parsi (Persia) ataupun Filipina."*

Deskripsi di atas menukilkan kebitaraan bahasa Melayu merentasi sempadan dan secara tidak langsung menggambarkan ketinggian dan keunggulan kebudayaan Melayu di persada dunia.

Bahasa Melayu telah mencapai martabat yang tinggi pada zaman Melaka ekoran daripada fungsi Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat kegiatan perdagangan. Menurut Howison dalam penulisan *"Dictionary of the Peninsula of Malacca, the Island of Sumatera, Jawa, Borneo, Pulo Pinang"* mengemukakan komentarnya bahawa empayar Melaka muncul sebagai pusat perkembangan bahasa Melayu yang terulung dan ini jelas mencerminkan kelestarian ketamadunan masyarakat Melayu pada ketika itu yang bersifat unggul dan dinamik. Fatimi dalam *"Islam Comes to Malaysia"* menjelaskan bahawa kemunculan pusat-pusat tamadun Melayu tradisi telah meninggalkan impak yang mendalam terhadap proses pembinaan kerajaan-kerajaan terkemudian. Ekoran daripada kemunculan pusat-pusat tamadun Melayu tradisi, ia telah berjaya memperkasa martabat bangsa dan bahasa Melayu sama ada di peringkat rumpun kepulauan Melayu atau antarabangsa amnya. Namun begitu, apa yang dapat diperhatikan ialah pusat-pusat tamadun Melayu tradisi telah berjaya mencapai tahap kegemilangan hasil daripada peranan kedinamikan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi yang utama. Panorama yang indah ini telah berjaya meletakkan asas yang konkrit dan memperkukuhkan jati diri bangsa Melayu yang ampuh dan berdaya saing.

Merujuk kepada penulisan Moene dalam *"Srivijaya Yava En. Katha"*, beliau menegaskan pada era pemerintahan Srivijaya (650 - 1200 T.M) ia merupakan titik tolak ke arah proses kegemilangan bahasa Melayu. Ini kerana, Kerajaan Srivijaya telah meletakkan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran dan perantaraan. Memandangkan pemerintahan Srivijaya menjadi pusat kegiatan ekonomi, secara tidak langsung ia telah menjadi pusat aktiviti perdagangan bagi para saudagar tempatan dan asing menjalankan aktiviti perniagaan. Untuk memastikan urusan transaksi perdagangan berjalan dengan licin, golongan pedagang asing perlu menggunakan bahasa tempatan iaitu bahasa Melayu Kuno sebagai medium perhubungan.

Situasi yang berlaku ini telah merencanakan lagi penggunaan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang bersifat antarabangsa pada ketika itu. Menurut Nik Safiah Nik Karim dalam *"Tatabahasa"*

*Dewan*”, berdasarkan kajian arkeologi penemuan empat batu bersurat membuktikan Srivijaya telah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pentadbiran iaitu, Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Batu Bersurat Talang Tuwo (684 M), Batu Bersurat Kota Kapor (686 M), Batu Bersurat Karang Brahi (690 M). Tuntasnya, kerajaan Srivijaya telah memberikan sumbangan yang besar kepada pembinaan tamadun Melayu khususnya kepada perkembangan intelektual bangsa Melayu seperti yang ditegaskan oleh Syed Muhammed Naquib al-Attas dalam kajiannya “*Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*”.

Pada era 1950-an, usaha untuk mendaulatkan bahasa Melayu telah menarik perhatian pihak pemerintah untuk merealisasikan secara lebih tersusun hasil daripada perjuangan angkatan sasterawan dan peminat-peminat bahasa serta kesusasteraan Melayu. Natiyahnya, lahirlah Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22 Jun 1956 sebagai satu agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memenuhi tuntutan tersebut. Antara objektif Dewan Bahasa dan Pustaka adalah seperti memajukan dan memperkayakan bahasa kebangsaan, memajukan bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan, mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku-buku dan sebagainya.

### **Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia**

Bahasa Melayu diperakui sebagai bahasa bersifat kebangsaan berasaskan kepada gerak sejarah yang telah dilaluinya. Atas kepentingan inilah bahasa Melayu dikodifikasikan dalam Perlembagaan Malaysia (Perkara 152) sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Penggunaan bahasa Melayu turut memberi implikasi terhadap dasar pendidikan negara. Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada Mei 1970 adalah merupakan satu peristiwa kebudayaan yang bersejarah kepada rakyat Malaysia amnya. Pengukuhan kepada tindakan tersebut disusuli lagi dasar yang baru antaranya dengan menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia 1971. Komitmen dan iltizam yang dizahirkan tersebut adalah bertujuan untuk memelihara kepentingan bahasa Melayu sebagai mengabsahkan asas pembinaan negara bangsa yang telah dibentuk sebelumnya.

Kini bahasa Melayu perlu berinteraksi dengan keperluan zaman yang canggih dalam arus perkembangan teknologi, kemajuan perdagangan dan kegiatan ekonomi serta perhubungan yang bersifat global didukung oleh bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris. Dominasi dan kepentingan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat terbuka tidak dapat dielakkan. Realitinya, bahasa Inggeris telah diangkat sebagai bahasa intelektual untuk mendalami bidang teknologi dan ilmu pengetahuan yang lain dalam pelbagai bidang. Walau bagaimanapun, keperluan mendadak terhadap ilmu sains dan sebagainya bukanlah satu ancaman sehingga merendahkan kemulukan bahasa Melayu untuk berfungsi sebagai alat penyebaran ilmu. Menurut Nor Shah Mohamed dalam artikelnya “*Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Dunia Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT): Isu dan Cabaran*”, secara positifnya, bahasa Inggeris dilihat sebagai medium untuk berkomunikasi dalam pelbagai bidang ilmu terutamanya dalam bidang teknikal.

Merujuk kepada latar belakang sistem pendidikan di Malaysia, senario yang berlaku di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam pada tahun 1983 telah menunjukkan sebahagian besar kursus pelajar tahun satu universiti dalam bidang sastera, sains, kejuruteraan, perubatan dan sebagainya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Perancangan ini belum dikira sejak tahun 1956 iaitu semasa pelaksanaan dasar Penyata Razak. Berdasarkan kepada penulisan Kamal Shukri Abdullah Sani(2007) dalam makalahnya “*Bahasa Melayu Dipertahankan Bahasa Inggeris Diperkukuhkan*”, beliau menjelaskan bahawa secara umumnya, lebih lima juta pelajar telah mengikuti sistem pendidikan kebangsaan bagi peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sejak tahun 1975 hingga tahun 2001. Daripada jumlah pelajar tersebut, lahirlah profesor dan pakar sains, kejuruteraan, perubatan teknologi dan sebagainya untuk mengisi sumber tenaga manusia di negara ini dalam pelbagai bidang.

Tegasnya, pengajaran dan pembelajaran dalam medium bahasa Melayu tidak akan menggugat para pelajar di peringkat tinggi untuk menguasai pelbagai cabang bidang ilmu dengan baik. Ini kerana, usaha yang berterusan telah dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan pihak-pihak lain yang bertanggungjawab melaksanakan pelbagai aktiviti seperti kegiatan penterjemahan, pembinaan istilah dan penerbitan buku-buku ilmiah dapat memenuhi tujuan tersebut. Semua perancangan ini perlu

disokong oleh semua pihak bagi memastikan pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu yang lebih praktis sifatnya dan sentiasa relevan.

Mengambil contoh perkembangan yang berlaku di Jepun dan Jerman telah membuktikan bagaimana kedua-dua bahasa itu begitu cepat menyesuaikan keadaan dan membina kecemerlangan ekonomi selepas Perang Dunia Kedua. Jika diperhatikan perkembangan yang berlaku di Jepun dan Korea, gerakan penterjemahan telah menjadi tanggungjawab nasional dan dianggarkan di kedua-dua buah negara itu kira-kira dua puluh ribu hingga tiga puluh ribu judul buku diterjemahkan pada setiap tahun. Mereka mengejar kemajuan, tetapi tidak mengabaikan obligasi membina tamadun bangsa. Apabila pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang ditulis dalam bahasa asing di terjemah dengan segera dalam bahasa ibunda mereka secara tidak langsung tindakan tersebut dapat memperkasa lagi bahasa dan kebudayaan tamadun negara mereka.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan pandangan yang telah dilontarkan oleh seorang ahli sosiologi yang terkenal Malik Bennabi, beliau berpandangan bahawa apabila kita menuturkan pemikiran-pemikiran dengan menggunakan bahasa asing, mentaliti masyarakat boleh menjadi buta budaya sendiri dan ada kalanya sehingga sampai ke tahap pengkhianatan. Berdasarkan kepada hipotesis yang dikemukakan oleh Ellen Byalistok(2001) dalam bukunya "*Bilingualism in Development: Language, Literacy and Cognition*", bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan pelajar yang melalui pengajaran dan pembelajaran secara dwibahasa menjadi lebih berjaya daripada yang menggunakan satu bahasa. Kajian juga membuktikan ada tanda-tanda yang menunjukkan pelajar yang dipaksa berbuat demikian mempunyai kemahiran bahasa yang lemah. Fenomena ini menyebabkan ahli bahasa memanggilnya sebagai "defisit bahasa".

Jika bangsa lain boleh maju dengan bahasa ibundanya sendiri, mengapa pula institusi pengajian tinggi tempatan tidak boleh maju dengan bahasa Ibundanya. Percayalah bahawa bahasa yang tidak diaplikasikan sebagai wadah ilmu dan cuma diaplikasikan sebagai bahasa pasar, bahasa pertuturan tahap rendah, bahasa basahan, sekadar bersembang di kedai kopi akhirnya akan hilang maruah. Nilai bahasa tersebut akan pupus ditelan arus zaman sebagaimana yang berlaku pada bahasa Anglo Saxon (bahasa Inggeris tua). Justeru itu, memperkasa penggunaan bahasa Melayu

dalam sistem pengajaran dan dalam masa yang sama peningkatan penguasaan bahasa lain seperti bahasa Inggeris tidak boleh dinafikan kepentingannya. Usaha murni untuk menguasai mana-mana bahasa yang dapat membantu meningkatkan kemajuan tamadun merupakan satu usaha yang wajar. Meskipun begitu, penguasaan bahasa asing tersebut tidak seharusnya mengorbankan dasar-dasar negara yang menyentuh tentang Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Kepentingan menguasai bahasa Inggeris bukanlah satu perkara yang dipertikaikan lagi dewasa ini. Pengukuhan untuk memantapkan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat pengajian tinggi adalah sesuatu perkara yang penting pada hari ini. Ini kerana, bahasa tersebut menjadi alat utama untuk berkomunikasi dengan pihak luar. Peningkatan penguasaan bahasa Inggeris kepada para pelajar boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara dengan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti bagi menjayakan usaha tersebut. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, realiti yang berlaku kini penggunaan bahasa Inggeris telah digunakan dalam proses penyampaian ilmu kepada para pelajar tambahan lagi dalam bidang teknikal. Ini kerana, umum mengetahui bahawa sebahagian besar penulisan ilmiah dalam bidang tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, keghairahan mengaplikasikan penggunaan bahasa Inggeris dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran janganlah sampai mengabaikan kepentingan bahasa Melayu dalam landasan penerokaan ilmu. Ironinya, lautan ilmu janganlah disempitkan dengan hanya membataskan kepada penguasaan bahasa Inggeris semata-mata. Sebaliknya, penggunaan bahasa Inggeris dalam bidang ilmu itu dijadikan sebagai satu hambatan ke arah merencanakan lagi perkembangan intelektual.

Berdasarkan kepada realiti tersebut maka kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tersebut dilihat lebih berkesan dan mudah untuk disampai dan dituturkan dalam bahasa yang asal. Tidak dinafikan bahawa bahasa Inggeris itu penting tambahan lagi pada peringkat pengajian tinggi. Penguasaan bahasa Inggeris dianggap sebagai satu kemahiran asas yang perlu dikuasai dan memberi satu kelebihan kepada individu yang menguasainya. Atas kepentingan inilah, bahasa Inggeris dilihat sebagai keperluan dan dimasukkan sebagai elemen kemahiran insani yang perlu ada pada setiap pelajar. Namun begitu, ia bukanlah menjadi satu alasan yang

konkrit untuk mengatakan bahawa bahasa Melayu tidak dapat berfungsi untuk memenuhi selera golongan ilmu-an yang terdidik.

### **Strategi Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pengantar Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Institut Pengajian Tinggi**

#### **1. Bahasa Melayu Perlu Bersifat Dinamis, Kreatif, Inovatif dan Realistik**

Bahasa Melayu perlu menerima hakikat bahawa perkembangan sains dan teknologi mempunyai perkaitan secara langsung untuk menjana idea baru, kreativiti dan inovasi dalam memantapkan penggunaan bahasa Melayu bersesuaian dengan realiti dan keperluan semasa. Oleh yang demikian, strategi perlu dirancang dengan teliti untuk memantapkan kekuatan dalaman bahasanya yang telah di asas sekian lama. Menurut pandangan yang pernah dikemukakan oleh Whorf(1952), beliau berpandangan bahawa *“Setiap bahasa tidaklah hanya merupakan satu alat untuk menyuarakan idea-idea bahkan merupakan program dan penonton kegiatan mental seseorang, penentu analisis kesan dan sintesis struktur mental seseorang itu...”*.

Keterangan tersebut memberi gambaran bahasa itu merupakan salah satu daripada instrumen utama yang membawa kepada pembaharuan, pembentukan kebudayaan dan citra sesebuah masyarakat.

#### **2. Memperkayakan Perbendaharaan Bahasa Melayu**

Sifat bahasa Melayu yang bersifat fleksibel dan berkembang dari semasa ke semasa. Pengembangan bahasa Melayu lebih ketara apabila berlaku interaksi dengan bidang sains dan teknologi. Dalam bidang teknikal, istilah-istilah baru asing yang di terbit diperkenalkan. Untuk menjadi bahasa yang mendukung kepada bidang teknikal dan disiplin ilmu yang lain, aktiviti penterjemahan perlu dipergiatkan secara proaktif. Oleh yang demikian, tidak timbul lagi persoalan di mana istilah yang digunakan dalam bahasa Inggeris sukar untuk difahami dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi usaha perlu dipergiatkan bagi memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dapat memenuhi pelbagai bidang ilmu. Ia memerlukan ketekunan dan kesabaran yang tinggi kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab melaksanakan tugas mereka.

#### **3. Transformasi Sistem Pendidikan**

Institusi Pendidikan adalah wadah penting dalam mengukuhkan lagi nilai dan keperluan bahasa Melayu melalui dasar-dasar yang dilaksanakan. Dalam hal ini, masyarakat perlu yakin dan tegas dalam usaha memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai bidang ilmu. Bahasa Melayu memiliki kemampuan setanding dengan bahasa asing yang lain sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan. Justeru itu, iltizam dan sokongan yang padu ditunjukkan oleh para pemimpin dalam mendaulatkan bahasa Melayu amat diperlukan. Dalam masa yang sama juga sesuatu dasar yang cenderung mempertahankan bahasa Melayu perlu dipertahankan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan medium bahasa Melayu perlu ditambah baik supaya dapat berkomunikasi dengan baik dengan bahasa asing. Namun begitu, komitmen dan keyakinan yang tinggi juga perlu ada kepada pihak kementerian dan golongan akademik untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai alat penyebaran ilmu.

#### **Kesimpulan**

Secara amnya, penggunaan bahasa Melayu dalam di peringkat pengajian tinggi tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu bukan hanya berfungsi sebagai alat komunikasi semata-mata bahkan merentasi pelbagai bidang keperluan. Segala pengorbanan dan usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab mendaulatkan bahasa Melayu perlu dilihat sebagai satu usaha yang serius dan besar implikasinya kepada pembangunan tamadun bangsa. Bahasa Melayu seperti bahasa lain di dunia harus berkembang seiring dengan meluasnya penggunaan bahasa itu dalam pelbagai disiplin ilmu sama ada yang berteraskan sains dan teknologi serta ilmu kemanusiaan.

Oleh yang demikian, tindakan mengagungkan bahasa asing khususnya bahasa Inggeris sebagai bahasa yang memiliki nilai ilmiah yang tinggi sehingga menafikan keistimewaan yang ada pada bahasa Melayu adalah satu tanggapan yang tidak tepat. Hakikatnya, sesuatu ilmu lebih mudah untuk difahami jika ia disampaikan dalam bahasa yang dipertuturkannya. Oleh yang demikian, usaha mencari pendekatan yang bersesuaian dengan hasrat untuk memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu memerlukan komitmen yang bersungguh-sungguh dari

semua pihak. Namun begitu, tidak dinafikan keperluan menguasai bahasa asing terutamanya bahasa Inggeris sebagai bahasa bersifat antarabangsa merupakan salah satu keperluan dan digalakkan pada masa kini. Secara tidak langsung penggunaan bahasa tersebut dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat menyemarakkan lagi perkembangan ilmu yang ditimba dari Barat. Secara itlaknya, sistem pengajian tinggi akan lebih berjaya berasaskan kepada acuan kita sendiri berbanding acuan yang ditaja oleh pihak lain. Dengan kata lain, bahasa Melayu yang kaya dengan pelbagai nilai perlu diperkasa dan penguasaan bahasa lain pula seperti bahasa Inggeris perlu dipertingkatkan dalam mendalami lautan ilmu.

**Rujukan**

1. A. Aziz Deraman, (1992), *Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Malaysia*, Arena Ilmu Kuala Lumpur.
2. Ellen Byalistok(2001) *"Bilingualism in Development: Language, Literacy and Cognition"*, Cambridge University Press.
3. Kamal Shukri Bin Abdullah Sani,(2007), *Bahasa Melayu: Apa Sudah Jadi?*, PTS Professional.
4. Nik Safiah Nik Karim,(1996), *Tatabahasa Dewan*, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur.
5. Whorf, Benjamin L. (1952), *Collected Paper On Metalinguistic*. Foreign Service Institute Washington DC.